

Terap nilai Islam dalam sistem pemerintahan

Jangan timbulkan curiga — Mahathir



● DATUK SERI
DR MAHATHIR

KUALA TERENGGANU, Sabtu — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan, hasrat kerajaan untuk menerapkan nilai-nilai Islam ke dalam sistem pemerintahan negara tidak harus menimbulkan rasa curiga di kalangan mana-mana pihak.

Menurut Perdana Menteri, hanya mereka yang berniat buruk dan tidak senang hati melihat ketenangan negara sahaja yang tidak berhenti-henti menimbulkan ketakutan di kalangan rakyat bukan Islam terhadap niat suci kerajaan itu.

Jelasnya, agama Islam tidak bercanggah dengan sebarang nilai mulia yang boleh diterima oleh penganut-penganut agama lain di negara ini.

"Oleh itu, hasrat kerajaan untuk menerapkan nilai-nilai Islam ke dalam pemerintahan negara tidak harus membangkitkan apa jua perasaan curiga oleh mana-mana pihak.

"Cuma mereka yang berniat buruk dan tidak senang hati melihat ketenangan negara kita, yang tidak berhenti-henti menimbulkan ketakutan di kalangan orang bukan Islam terhadap niat kerajaan itu," tambahnya.

Perdana Menteri berkata demikian sewaktu berucap merasmikan Musabqah Membaca Al-Quran Peringkat Kebangsaan yang Ke-25 di Stadium Sultan Ismail Nasaruddin Shah di sini, malam ini. Tema mu-

Oleh **BUSTAMAM AHMAD**

sabaqah tahun ini ialah 'Kebersihan Asas Kesempurnaan Iman'.

Menurutnya, kebersihan dijadikan tema musabqah tahun ini sebagai satu peringatan kepada umat Islam bahawa 'keberhasilan dituntut sepanjang masa dan di semua tempat dan tidak terhad kepada waktu dan tempat beribadat sahaja'.

"Kebersihan diutamakan dalam negara sebagai satu lagi cara kita menerapkan nilai-nilai Islam da-

lam pentadbiran negara. Begitu juga dengan keadilan yang kita amalkan, sifat bersaudara, hidup berharmoni, bertimbang-rasa, berkenal-kenalan antara kaum dan lain-lain lagi nilai yang dituntut oleh Islam.

"Kebersihan di sini meliputi kebersihan hati dan jiwa seseorang. Apabila hati kita bersih, kita dapat mengelakkan diri daripada busuk hati. Kita dapat menghindarkan daripada buruk sangka, fitnah-memfitnah dan segala keburukan dan kejahatan, bukan sahaja bagi diri kita tetapi juga bagi keluarga, jiran dan masyarakat kita," jelas Datuk Seri Dr Mahathir.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia